


MANGSA EBOLA



RAKYAT Amerika Syarikat, Patrick Sawyer mati akibat Ebola selepas dijangkiti virus itu ketika menghadiri majlis pengebumian kakaknya yang turut meninggal akibat penyakit berbahaya berkenaan di Liberia.

SUKARELAWAN Nancy Write yang berjuang lebih sedekad di negara Afrika Barat untuk memupuk kesedaran mengenai



SEORANG kanak-kanak yang ibunya mati akibat Ebola dimandikan untuk nyah kuman oleh sukarelawan di Monrovia.



Metro 2/8/14 MS 14

MAYAT seorang penghidap Ebola dibawa dengan trak untuk dikebumikan.






bahaya Ebola turut dijangkiti virus Ebola. Beliau kini dilaporkan bertarung untuk hidup.



DR Kent Brantly yang mengabdikan diri merawat pesakit Ebola turut dijangkiti penyakit itu, tetapi dilaporkan berkeadaan stabil.



DR Sheik Umar Khan yang bertanggungjawab merawat lebih 100 pesakit Ebola di Freetown, Sierra Leone turut tidak terlepas daripada cengkaman maut Ebola.

Ebola - virus kejam tanpa penawar



Mula dikesan pada 1976 di Republik Rakyat Congo dan Sudan

Dinamakan sempena Sungai Ebola di Republik Rakyat Congo lokasi pertama penyakit dijejaki

Berpunca daripada kelawar buah daripada keluarga Pteropodidae yang secara semula jadinya menjadi perumah virus

Kemungkinan kematian manusia adalah 90 peratus jika dijangkiti virus jenis terdahsyat

Tiga daripada lima spesies virus dikenal pasti didapati amat berbahaya

Turut ditemui pada



Gorila



Monyet




Landak



Antelope

Penularan utama



*Penularan di Sudan Selatan

Pada manusia Peringkat awal Demam tiba-tiba, badan lesu, sakit otot-otot, pening dan radang tekak

Gejala seterusnya... Muntah, cirit-birit, ruam, kerosakan buah pinggang dan hati serta pendarahan dalaman dan luaran



- Cara jangkitan**
- Tersentuh darah, najis dan peluh tercemar
 - Hubungan sejenis dengan penghidap
 - Pengendalian mayat si mati tanpa perlindungan sewajarnya
 - Terpegang objek tercemar

Tiada vaksin atau ubat

Penularan 2014

- Penularan membabitkan manusia yang disahkan sejak 1979
- Virus dikesan termasuk membabitkan haiwan diimport



KAKITANGAN perubatan Doktor Tanpa Sempadan (MSF) mengambil makanan untuk dihantar kepada pesakit Ebola yang diasingkan di Kailahun, Sierra Leone.



KAKITANGAN perubatan menyah kuman mayat seorang individu yang mati akibat jangkitan virus Ebola di Pusat Pengurusan Kes di Foya, Liberia.

Metro 21/11/14 MS 15.

PENYAKIT PALING BAHAYA

■ Penularan virus Ebola di Afrika Barat cetus kebimbangan dunia

Sierra Leone semalam mengisytiharkan darurat dan mengerah tentera untuk mengkuarantin mangsa Ebola tatkala angka kematian akibat penularan paling buruk virus pembunuh berkenaan mencecah 729 orang di Afrika Barat.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) berkata ia kini giat mengadakan rundingan dengan pen-

derma dan agensi antarabangsa untuk menghantar lebih ramai kakitangan perubatan ke kawasan dilanda wabak yang merupakan antara rantau paling miskin di dunia.

WHO melaporkan 57 kematian baru di antara 24 Julai dan 27 Julai di Guinea, Liberia, Sierra Leone dan Nigeria.

Pihak berkuasa di Nigeria, yang mencatatkan kes Ebola pertama minggu lalu apabila seorang warga Amerika Syarikat mati se-

lepas tiba melalui penerbangan dari Liberia, berkata semua penumpang dari kawasan berisiko akan ditapis untuk menjejaki virus berkenaan.

Dalam langkah yang memperlihatkan peningkatan kepedulian antarabangsa, Britain mengadakan satu mesyuarat dan menyifatkan wabak yang menular sebagai satu ancaman besar.

Dalam pada itu, menurut Rumah Putih, Presiden Amerika Barack Obama turut diberikan pe-

nerangan mengenai perkembangan terkini ancaman penyakit itu.

Sementara itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menasihatkan orang ramai yang mahu melawat negara di Afrika Barat supaya mengamalkan tahap kebersihan diri yang tinggi seperti kerap mencuci tangan dengan air, sabun atau bahan pencuci tangan bagi mengelakkan dijangkiti Ebola.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pemantauan dan kesiapsiagaan yang diambil Kementerian untuk menghadapi potensi kejadian penyakit termasuk melakukan langkah pencegahan dan kawalan infeksi terhadap anggota kesihatan di semua peringkat KKM termasuk pintu masuk antarabangsa negara.

DR Brantly antara sebilangan kecil pakar perubatan yang sanggup mengadai nyawa demi kemanusiaan.

